

POTENSI DAN KECERDASAN

Khair hidayati binti mohd khair, fadilah binti abdul majid, khairunnisak bt yahya & munirah bt senik

Perkataan potensi berasal dari bahasa inggeris yang membawa maksud erti keupayaan dan kebolehan (kecerdasan)terpendam dalam diri individu dan jika ia dicungkil ia boleh digunakan untuk melakukan sesuatu dan dikembang maju. Sesungguhnya ,potensi dikaitkan dengan bakat manusia yang menjadi salah satu aspek daripada fitrah manusia.Dengan kata lain potensi merupakan kebolehan manusia melakukan sesuatu aktiviti yang selaras dengan fitrah yang ada padanya.

Teori kecerdasan pelbagai Howard Gardner terdapat pada lapisan atau dibawah teori multidimensional dan instruksional. Hal ini demikian kerana, teori yang terdapat dibawah lapisan ini adalah berkaitan dengan persekitaran pelajar untuk belajar . Setiap individu memiliki kecerdasasan yang berbeza diantara satu sama lain. Teori kecerdasan yang diperkenalkan ini memainkan peranan penting dalam membentuk individu yang serba boleh melalui pelbagai aktiviti yang bersesuaian dengan kecerdasan yang disenaraikan oleh Howard Gardner.